

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Datang lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN

ULTRASOUND GUIDED FNAC

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:..... **PAGI/PETANG**

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

CAJ PROSEDUR : RM.....

CAJ PERALATAN : RM.....

ALAHAN / ASMA : YA / TIDAK

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79492530 (kaunter janjitemu)

NOTA PENTING!!!! Sila lihat di mukasurat belakang brosur .

Pemeriksaan *Ultrasound Guided FNAC*

1. Apakah pemeriksaan FNAC?

Ia adalah satu prosedur yang dijalankan untuk mendapatkan sel-sel daripada tiroid dengan menggunakan jarum halus . Sel yang diambil akan dianalisa di bawah mikroskop untuk mendiagnosis kanser atau keadaan lain seperti jangkitan penyakit dan gangguan radang.

2. Bagaimana prosedur ini dilakukan?

- Prosedur ini dilakukan sebagai pesakit luar. Pesakit perlu berpuasa sekurang-kurangnya 6 jam sebelum prosedur. Semasa prosedur ini, pesakit akan baring di atas katil. Kawasan yang akan dibiopsi dicuci dengan larutan antiseptik. Kawasan ini akan dibius dengan anestetik setempat (LA) sekiranya perlu .
- Dengan berpandukan imej ultrasound jarum yang kecil lebih kurang 1 inci panjang akan dimasukkan dan ditarik balik beberapa kali. Sel-sel ini kemudiannya ditarik balik oleh aspirasi dengan picagari dan disebarluaskan di atas slaid kaca. Prosedur ini mengambil masa kira-kira 10 hingga 15 minit. Adalah sangat penting untuk elakkan dari batuk atau bergerak.

3. Apakah kesan risiko, komplikasi atau sampingan prosedur ini?

- Pendarahan di kawasan nodul tiroid boleh berlaku dan boleh mengakibatkan lebam, bengkak, dan merasa sedikit ketidakselesaan.
- Pembedahan jarang diperlukan bagi kes pendarahan yang signifikan.
- Risiko kecederaan kepada salah satu saraf di sebelah tiroid yang mengaktifkan pita suara. Ini boleh menyebabkan suara serak yang biasanya sementara.
- Jangkitan pada kawasan cucukan adalah sangat jarang berlaku.

4. Apakah yang harus saya jangkakan selepas prosedur?

- Anda sepatutnya boleh menyambung semula aktiviti biasa pada keesokan harinya.
- Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami bengkak atau demam gred tinggi .

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan FNAC (PENTING!!!)

1. Anda dikehendaki menandatangani borang keizinan.
2. Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum prosedur. Bagi pemeriksaan petang, anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.
3. Pastikan anda tiada alahan ‘allergy’ terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah / asma. Jika ada, diminta memberitahu kepada Pakar Radiologi untuk tindakan selanjutnya.
4. Memaklumkan kepada Pakar Radiologi jika anda menghidapi AIDS, Hepatitis, ‘Sexually Transmitted Disease’ dan penyakit pendarahan.
5. Pastikan pemeriksaan sinar-X anda yang lama seperti CT-Scan, Ultrasound atau lain-lain (dari hospital luar) dibawa bersama nota kes ketika datang ke Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
6. Jika terdapat pendarahan atau bengkak ditempat suntikan, sila maklumkan kepada doktor yang berkenaan.

Doktor/ staf terlibat hendaklah diberitahu segera sekiranya:

- Jika terdapat sebarang perubahan yang ketara pada denyutan nadi, tekanan darah yang diambil sebelum dan selepas prosedur dijalankan. Jururawat perlu memaklumkan kepada pakar terlibat dan langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil.